

1977

KUALA LUMPUR, 29 MAC (BERNAMA) -- MALAYSIA TELAH MENJADIKAN ISLAM AGAMA RASMI NEGARA INI ATAS KEPERCAYAAN BAHAWA KESEJAHTERAAN HIDUP DAN KESTABILAN ALAM AKAN HANYA DICAPAI JIKA DASAR-DASAR AJARAN ISLAM DITERIMA DAN DIAMALKAN SEPENUHNYA OLEH UMAT MANUSIA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI, DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA JESTERU ITU MALAYSIA TIDAK SEKALI-KALI MENGABAIKAN DASAR-DASAR ISLAM DALAM RANCANGAN PEMBANGUNAN NEGARNYA.

BELIAU MENEGASKAN DASAR-DASAR TERSEBUT MUNGKIN TIDAK DAPAT DITERIMA OLEH SEMUA NEGARA, TERUTAMA NEGARA-NEGARA BUKAN ISLAM KECUALI IA DIBERI FAHAM MELALUI PENULISAN BUKU-BUKU DAN MAJALAH-MAJALAH DI SEMINAR-SEMINAR DALAM PENGERTIAN YANG LUAS MENGIKUT PENDEKATAN YANG SESUAI DENGAN KEADAAN MASYARAKAT UMUM.

DR. MAHATHIR BERKATA DEMIKIAN DALAM PERUTUSANNYA YANG TERKANDUNG DALAM KATALOG +PAMIRAN BUKU-BUKU MALAYSIA+ YANG AKAN DIADAKAN DI MEKAH, ARAB SAUDI.

PAMIRAN TERSEBUT DIADAKAN SEMPENA PERSIDANGAN ANTARABANGSA PERTAMA MENGENAI PENDIDIKAN ORANG-ORANG ISLAM DALAM DUNIA MODERNCABARAN DAN SAMBUTAN SELAMA LAPAN HARI ANJURAN UNIVERSITI RAJA ABDUL AZIZ MULAI KHAMIS INI. -- BERSAMBUNG 1154/YF

CS

B515

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

DR. MAHATHIR MENYATAKAN SUNGGUHPUN MALAYSIA MERUPAKAN SEBUAH NEGARA ISLAM YANG KECIL DAN MEMPUNYAI KEMAMPUAN YANG TERHAD DALAM PENERBITAN BUKU-BUKU BERBANDING DENGAN NEGARA-NEGARA ISLAM YANG LAIN, IA TIDAK MAHU KETINGGALAN DARI MENYERTAI PAMIRAN TERSEBUT.

BELIAU MENJELASKAN PENYERTAAN MALAYSIA ITU SELAIN DARI INGIN MENUNJUKKAN KEPADA NEGARA-NEGARA ISLAM SAHABAT TENTANG PENCAPAIANNYA DALAM PENERBITAN BUKU JUGA BERTUJUAN MERAPATKAN HUBUNGAN PERSAUDARAAN DENGAN NEGARA-NEGARA BERKENAAN SERTA BEKERJASAMA DALAM APA JUGA BIDANG YANG MEMBERIKAN KEMAJUAN, KEBAIKAN DAN KETINGGIAN ISLAM SERTA UMATNYA.

MENGENAI HUBUNGAN MALAYSIA DAN ARAB SAUDI, TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA KEDUA BUAH NEGARA TELAH MEMPUNYAI HUBUNGAN YANG SANGAT RAPAT DARI SEGI AGAMA DAN LAIN-LAIN BIDANG SEJAK RAKYAT NEGARA INI MENERIMA KEDATANGAN ISLAM.

KEDUA-DUA NEGARA TELAH BERHUBUNGAN DAN BEKERJASAMA SEJAK BERKURUN-KURUN DALAM BANYAK PERKARA TERUTAMA DALAM USAHA MENGEMBANGKAN AGAMA ISLAM DAN MENINGGIKAN LAGI SYIARNYA.

SEMENTARA ITU Pengerusi Jawatankuasa Pamiran Buku-Buku dan Alat-Alat Pendidikan Malaysia, Datuk Abdul Rahman Arshad dalam perutusan-nya pula berkata, Kerajaan Malaysia telah mewajibkan pelajaran agama Islam diajar kepada semua murid yang beragama Islam di sekolah-sekolah kerajaan di peringkat rendah dan menengah.

KIRA-KIRA 1,000 TAJUK BUKU TERMASUK MENGENAI ADAT RESAM DAN KEBUDAYAAN, UNDANG-UNDANG DAN AGAMA ISLAM YANG DITULIS OLEH PENULIS-PENULIS ISLAM DI NEGARA INI AKAN DIRAMILKAN DI RAMIRAN ITU